



TEKS UCAPAN

**YB HANNAH YEOH
MENTERI DI JPM
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

**MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL KUALA
LUMPUR MADANI DI BANDAR TUN
RAZAK (KL MADANI@BTR)
BERSEMPENA SAMBUTAN HARI
WILAYAH PERSEKUTUAN TAHUN 2026**

**31 JANUARI 2026 (SABTU)
PERKARANGAN STADIUM BOLA SEPAK
KUALA LUMPUR, CHERAS**

SALUTASI

Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail

Isteri YAB Perdana Menteri merangkap Ahli Parlimen Bandar Tun Razak

Yang Berhormat Senator Dr. Zulkifli bin Hasan

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)

Yang Berbahagia Datuk Seri Noridah binti Abdul Rahim

Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan

Yang Berbahagia Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud

Datuk Bandar Kuala Lumpur

Ahli-ahli Parlimen, rakan-rakan strategik yang saya hormati, barisan media tuan-tuan dan puan-puan warga Wilayah Persekutuan yang dikasihi sekalian.

PEMBUKAAN

Salam sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

1. Terima kasih kerana bersama Jabatan Wilayah Persekutuan pada petang ini untuk Majlis Perasmian Karnival Kuala Lumpur MADANI di Bandar Tun Razak sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2026.

REALITI KEHIDUPAN BANDAR

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

2. Wilayah Persekutuan sering dilihat sebagai simbol kemajuan negara. Namun, di sebalik pencakar langit dan kemudahan moden, realitinya kos sara hidup di bandar semakin mencabar.
3. RM100 di Kuala Lumpur tidak membawa nilai yang sama seperti di kawasan lain. Tekanan ini dirasakan bukan sahaja oleh golongan miskin tetapi juga keluarga berpendapatan rendah dan sederhana yang

bekerja keras namun masih bergelut untuk memenuhi keperluan asas, pendidikan anak-anak dan pemilikan rumah.

KARNIVAL KL MADANI: DARI DASAR KE TINDAKAN

4. Karnival KL MADANI bukan sekadar acara kemasyarakatan. Ia adalah pendekatan turun padang Kerajaan MADANI — membawa perkhidmatan, bantuan dan maklumat terus kepada rakyat.
5. Kerangka Ekonomi MADANI telah menunjukkan hasil yang positif. Namun keutamaan kita adalah memastikan kemakmuran negara benar-benar dirasakan oleh rakyat khususnya di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.
6. Salah satu cabaran utama ialah akses kepada maklumat. Bantuan ada tetapi ramai yang terlepas kerana tidak tahu atau tidak dibimbing.

7. Sebab itu hari ini, kerajaan datang terus kepada rakyat. Kerajaan tidak jauh, tidak sukar diakses dan sentiasa bersedia membantu.

PENCAPAIAN BERASASKAN DATA

8. Hasil usaha berterusan ini dapat dilihat dengan jelas. Dalam tempoh tiga tahun berturut-turut, ribuan Ketua Isi Rumah berjaya dikeluarkan daripada kategori miskin tegar berdasarkan data eKasih. Ini bukti komitmen berterusan Kerajaan MADANI.
9. Bagi menangani kos sara hidup, inisiatif MyGrocer kini beroperasi di ratusan lokasi, menawarkan barangan keperluan pada harga lebih rendah dan telah diperluaskan ke Labuan.
10. Dalam aspek perumahan, ribuan unit Residensi MADANI dan Residensi Wilayah sedang dibina dan dibuka untuk permohonan bagi membantu warga kota

memiliki rumah sendiri.

11. Untuk makluman semua juga, kerajaan melalui Jabatan Wilayah Persekutuan dan DBKL sedang meneliti pelbagai program mesra rakyat untuk kita laksanakan pada tahun ini.
12. Ada beberapa program yang kita sedang usahakan untuk warga emas dan juga kanak-kanak.
13. Pagi tadi, kita baru sahaja melihat peluncuran Bangunan Sultan Abdul Samad yang telah dinaik taraf dan saya berharap pada musim cuti ini, semua dapat meluangkan masa untuk berkunjung ke tempat itu.

PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

14. Karnival ini adalah ruang untuk rakyat mendapatkan maklumat, berurusan terus dengan agensi kerajaan dan menyertai aktiviti kemasyarakatan bersama keluarga.
15. Pejabat kita, Jabatan Wilayah Persekutuan, DBKL dan semua Ahli Parlimen akan terus bekerja sebagai satu pasukan — mendengar, meneliti dan menyelesaikan isu rakyat.
16. Mesej kita jelas: Kerajaan sentiasa ada, sentiasa cakna dan sentiasa bekerja untuk rakyat.
17. Saya dengan sukacitanya merasmikan Karnival Kuala Lumpur MADANI di Bandar Tun Razak sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2026.

Terima kasih.